

# **STRATEGI S.I.A.P**

**MENJAWAB SOALAN INTERAKSI PENULISAN**

Jabatan Bahasa Melayu  
SEKOLAH RENDAH GREENDALE

# TUJUAN SOALAN INTERAKSI PENULISAN

Berinteraksi melalui penulisan dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi seperti berikut:

- Memberikan penerangan lanjut tentang sesuatu perkara
- Mengajak dan meyakinkan seseorang menyertai sesuatu acara
- Menyatakan cara-cara mendaftarkan diri untuk mengambil bahagian dalam sesebuah acara
- Menyatakan faedah atau kebaikan akan sesuatu acara yang terdapat di dalam brosur atau teks

# ISI KANDUNGAN

01

## **TEKS KEFAHAMAN**

Primari 4 & Primari 5-6

02

## **RANGSANGAN GRAFIK**

Primari 5-6

03

## **Pemarkahan**

Huraian pemarkahan  
soalan interaksi  
penulisan

04

## **STRATEGI**


Huraian strategi S.I.A.P



01

TEKS KEFAHAMAN

# PERBEZAAN TEKS KEFAHAMAN




## Primari 4

- Berbentuk naratif & bukan naratif
- Lebih kurang 200 patah perkataan

## Primari 5-6

- Berbentuk naratif
- Lebih kurang 250-300 patah perkataan



# PRIMARI 4 (TEKS KEFAHAMAN)

**Bagian D: Soalan 15 – Soalan 17 (8 markah)**  
**Kefahaman Objektif**

**Arahan:** Baca petikan di bawah ini. Kemudian pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang mengikutinya. Tuliskan **angka** jawapan kamu di dalam kurungan ( ) yang disediakan.

Pada pagi Sabtu yang lalu, Puan Anum ke pasar Geylang. Dia hendak berbelanja di situ. Dia pergi ke pasar pada awal-awal pagi kerana hendak pulang secepat mungkin. Setelah mengejutkan anaknya, Riana, Puan Anum berpesan kepada Riana supaya menjaga adiknya yang baru berumur setahun. Puan Anum pun tergesa-gesa keluar untuk pergi ke pasar.

Riana berbaring di sebelah adiknya yang masih tidur itu sambil membaca buku. Kemudian, Riana tertidur kerana masih mengantuk. Dia terjaga apabila terbau sesuatu benda terbakar. Riana sempat mencapai telefon bimbitnya sebelum bergegas keluar dari bilik adiknya itu. Alangkah terperanjatnya apabila dia melihat asap berkepul-kepul keluar dari pintu dapurnya. Riana berasa takut dan tidak berani mendekati dapur itu.

Riana berasa cemas kerana pintu rumahnya telah dikunci oleh ibunya. Dia bertari ke tingkap sambil menjerit meminta tolong. Beberapa orang jirannya cuba mengeluarkan Riana dan adiknya melalui tingkap tetapi tidak berjaya. Seorang pemuda merempuh masuk dengan memecahkan pintu yang berkunci itu untuk menyelamatkan Riana dan adiknya.

Mujurlah mereka berduas selamat. Riana berterima kasih kepada jiran-jirannya itu. Sementara adiknya diperiksa oleh pegawai paramedik, Riana mengeluarkan telefon bimbitnya. Dia menerima pesanan daripada ibunya yang tertulis, 'Adik sudah bangun?' Dia perlu memberitahu ibunya bahawa rumah mereka telah terbakar tetapi dia dan adiknya dalam keadaan selamat. Riana pun mengirimmkan pesanan ringkas kepada ibunya.

15. Puan Anum ke pasar awal pagi kerana \_\_\_\_\_.

- (1) mahu berbelanja di pasar
- (2) anak-anaknya sedang tidur
- (3) hendak balik ke rumah dengan cepat
- (4) ingin memberi pesanan kepada Riana

( )



16. Riana terperanjat kerana \_\_\_\_\_.

- (1) dia terbau asap
- (2) pintu rumahnya terkunci
- (3) ada pemuda memecahkan pintu rumahnya
- (4) melihat asap berkepul-kepul keluar dari dapur

( )

17. Ibu Riana, Puan Anum, telah mengirimmkan pesanan ringkas kepada Riana.

Bayangkan kamu Riana. Jawab pesanan ringkas itu dengan menggunakan informasi dalam petikan di halaman 4. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

(4 markah)

Ibu,

Sesuatu yang buruk telah berlaku. Riana ingin,

membertitahu Ibu bahawa \_\_\_\_\_

---

---

---

---

---

# PRIMARI 5-6 (TEKS KEFAHAMAN)

## KEFAHAMAN 2 (22 MARKAH)

ARAHAN: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Rustam hidup menderita. Dahulu, dia sihat dan berupaya untuk bergerak ke mana-mana tanpa sebarang bantuan. Kini, kehidupannya berbeza. Dia terpaksa berkerusi roda kerana kedua-dua kakinya lumpuh. Kakinya lumpuh akibat satu kemalangan jalan raya empat tahun yang lalu. Pemandu lori yang melanggarnya telah melarikan diri dan Rustam tidak mendapat apa-apa ganti rugi atau wang pampasan. Dia tidak dapat bekerja kerana kecacatan kakinya itu.

Ayah Rustam telah meninggal dunia semasa Rustam kecil lagi. Rustam mempunyai dua orang adik yang masih bersekolah. Ibu Rustam terpaksa keluar bekerja untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga. Dia bekerja di sebuah kilang selama dua belas jam setiap hari. Selain itu, dia juga menjual kuih-muih dan mengambil upah menjahit baju untuk menambah wang pendapatannya. Mereka tinggal di sebuah flat sewa dua bilik yang terletak di Bedok. Rumah mereka sempit dan dipenuhi dengan perabot yang sudah usang.

Dahulu, Rustam bekerja sebagai seorang pengawal keselamatan. Dia terpaksa meninggalkan pekerjaannya itu setelah ditimpa kemalangan. Dia cuba untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan keadaan dirinya tetapi tiada majikan yang ingin menawarkan pekerjaan kepadanya. Dia pernah ditawarkan bekerja di sebuah kilang. Di kilang itu, dia boleh menjalankan kerja sambil duduk sahaja. Malangnya, dia terpaksa menolak tawaran itu kerana kilang itu terletak terlalu jauh dari tempat tinggalnya. Tambahan pula, dia mengalami kesukaran untuk menaik pengangkutan awam kerana kerusi rodanya itu. "Bagaimana aku hendak ke kilang itu dengan kerusi roda ini?" keluh Rustam. Namun demikian, Rustam mencari jalan lain untuk menyara kehidupan keluarganya. Dia menjual tisu kepada orang ramai di hadapan sebuah kedai kopi yang berdekatan dengan rumahnya. Selain itu, dia juga bekerja secara sambilan di sebuah kedai menjual surat khabar dan majalah.

Rustam tidak pernah berputus asa. Dia berusaha untuk mengubati kakinya itu. Baru-baru ini, dia terdengar berita bahawa ada seorang doktor dari Hospital Besar Singapura yang pakar mengubati penyakit lumpuh. Dia ingin mencuba nasibnya. Dia mula menabung sebahagian daripada wang yang diperolehinya melalui penjualan tisu. Dia juga ingin memohon bantuan kewangan daripada badan-badan kebajikan setempat. Dia menyedari ini akan mengambil masa yang lama. Namun, dia yakin matlamatnya itu akan tercapai juga pada suatu hari nanti.

ARAHAN: Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

34. Mengapakah keadaan hidup Rustam kini berbeza? (2 markah)

---

---

---

Markah yang  
diperoleh

35. Berikan bukti-bukti yang menunjukkan ibu Rustam bekerja keras untuk mereka sekeluarga. (4 markah)

---

---

---

---

---

Markah yang  
diperoleh

36. Bagaimanakah keadaan rumah Rustam? (2 markah)

---

---

---

Markah yang  
diperoleh

37. Terangkan sebab-sebab Rustam tidak boleh menerima pekerjaan di kilang itu. (4 markah)

---

---

---

---

---

Markah yang  
diperoleh

38. "...Rustam mencari jalan lain untuk menyara kehidupan keluarganya." Jelaskan pernyataan ini. (4 markah)

---

---

---

---

---

Markah yang  
diperoleh

39. Pada akhir petikan, Rustam bertekad untuk mengubati kakinya itu. Bayangkan kamu Rustam. Kamu mahu menulis nota untuk meyakinkan ibu kamu tentang usaha-usaha yang akan kamu lakukan untuk mencapai matlamat kamu itu.

Gunakan informasi dalam petikan karangan dalam halaman 6 untuk melengkapkan nota ringkas di bawah ini. (4 markah)

Ibu,

Saya \_\_\_\_\_

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

Daripada,  
Rustam

Markah yang  
diperoleh



02

**RANGSANGAN  
GRAFIK**

Primari 5-6

# RANGSANGAN GRAFIK

**Pesta Amal**

Sempena pembukaan rasmi Kelab Masyarakat Mawar!  
Hadiah dan hiburan menanti anda!

**Berdekatan dengan stesen MRT Punggol** Anjuran Persatuan Belia Wira  
Sabtu, 4 Jun 2017  
9 pagi hingga 5 petang

Disokong oleh Kementerian Kesihatan

**KONSERT OLEH ARTIS TEMPATAN**

**Saidah Jebat** **Kumpulan Blade**

Marilah kita sama-sama membantu golongan yang memerlukan!  
Anda boleh berhibur sambil beramal! Datanglah beramai-ramai!

Bayaran masuk: \$2 untuk kanak-kanak  
\$4 untuk orang dewasa

Hasil penjualan akan didermakan kepada Rumah Anak-anak Yatim Lia

**Cabutan Bertuah**  
Baucar produk kesihatan dan kecantikan untuk 3 pemenang menanti anda – setiap satu bernilai \$300!

**Jualan Amal**  
Dapatkan barangan terpakai – buku, mainan, pakaian, barangan elektrik dan bermacam-macam lagi.

**Permainan**  
Sertailah pelbagai permainan yang dapat mencabar minda dan menghiburkan anda. Menangilah hadiah-hadiah yang menarik!

**Medan Selera**  
Beramallah sambil menjamu selera. Makanan enak dan beraneka rasa! Saksikan demonstrasi memasak hidangan sihat oleh Puan Asmidah.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Encik Romzi melalui talian 6364 2345 atau hantarkan e-mel ke [Romzi\\_mawar@warkah.com](mailto:Romzi_mawar@warkah.com)  
Ditaja oleh Bumi Hijau Berhad

**Pengangkutan Awam**

- MRT
- Bas nombor 858, 964, 913 dan 904

**Tempat letak kereta terhad**

**Tujuan acara**

**Penganjur/Tempat/Masa**

**Informasi tentang acara-acara yang diketengahkan**

**Harga**

**Keterangan Lanjut**

# SOALAN INTERAKSI PENULISAN




- 33 Kamu mahu mengajak rakan kamu, Raihanah ke pesta amal itu. Rakan kamu ingin mengetahui dua acara amal yang boleh disertai olehnya di pesta amal itu. Kamu harus menerangkan kepadanya dua acara amal tersebut. Gunakan informasi dalam brosur pesta amal ini untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini.

(4 markah)

Raihanah,  
Kamu boleh \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Kamu mahu mengajak rakan kamu, Raihanah ke pesta amal itu. Rakan kamu ingin mengetahui dua acara yang boleh disertai olehnya di pesta amal itu. Kamu harus menerangkan kepadanya dua acara amal tersebut.

Gunakan informasi dalam brosur pesta amal ini untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini. (4 markah)



03

## PEMARKAHAN

Huraian pemarkahan  
soalan interaksi penulisan  
mengikut peringkat

# PEMARKAHAN SOALAN INTERAKSI PENULISAN



**LIT**

<b>Laras bahasa</b>	1 m
<b>Isi</b>	2 m
<b>Tatabahasa</b>	1 m

## Primari 5 & 6

- Laras Bahasa (1 markah)  
Gaya bahasa dan ekspresi bahasa
- Isi (2 markah)  
2 isi
- Tatabahasa (1 markah)  
Pembentukan ayat, nahu, tanda baca dan ejaan




04

# STRATEGI S.I.A.P

Huraian strategi S.I.A.P

# STRATEGI S.I.A.P



# S.I.A.P

**S**erlah  
soalan  
iapa

**Serlah kata kunci dalam Soalan**


- Serlahkan bahagian penting dalam soalan yang diberikan

**Siapa**

- Soalan harus dijawab dari sudut pandangan siapa? (Watak yang mana?)



# S.I.A.p




**ISI:** Cari formasi penting yang terdapat di dalam teks/grafik rangsangan



# S.I.A.P

**Anotasi:** Membuat anotasi di teks/  
brosur dan soalan

**Apa:** Apa yang harus dilakukan?  
(mengajak/ memujuk/ mengingatkan dan lain-lain lagi)



**S.I.A.P**

## **PENYEMAKAN / PENUTUP**

**Penyemakan:** Pelajar harus menyemak jawapan mereka.

- Mereka harus memastikan **isi** ditulis dengan tepat.
- Pastikan **isi**, **laras bahasa** dan **tatabahasa** (ejaan, binaan ayat, nahu & tanda baca) disemak dengan teliti juga.

**Penutup:** Digalakkan menulis penutup mesej dalam bentuk harapan, ucapan selamat dan sebagainya.

# STRATEGI S.I.A.P

Pri 5-6

(Serlah kata kunci dalam Soalan)

Anda sebagai Siapa?



Isi dalam teks / brosur

-  
-



Penyemakan

Laras bahasa	1 m
--------------	-----

Isi	2 m
-----	-----

Tatabahasa	1 m
------------	-----

Penutup (dalam bentuk harapan, ucapan selamat dan sebagainya)

-



Apa yang harus dilakukan?  
(mengajak / memujuk dan lain-lain lagi)

-



# PRIMARI 5-6 (TEKS KEFAHAMAN)

## KEFAHAMAN 2 (22 MARKAH)

ARAHAN: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Rustam hidup menderita. Dahulu, dia sihat dan berupaya untuk bergerak ke mana-mana tanpa sebarang bantuan. Kini, kehidupannya berbeza. Dia terpaksa berkerusi roda kerana kedua-dua kakinya lumpuh. Kakinya lumpuh akibat satu kemalangan jalan raya empat tahun yang lalu. Pemandu lori yang melanggarnya telah melarikan diri dan Rustam tidak mendapat apa-apa ganti rugi atau wang pampasan. Dia tidak dapat bekerja kerana kecacatan kakinya itu.

Ayah Rustam telah meninggal dunia semasa Rustam kecil lagi. Rustam mempunyai dua orang adik yang masih bersekolah. Ibu Rustam terpaksa keluar bekerja untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga. Dia bekerja di sebuah kilang selama dua belas jam setiap hari. Selain itu, dia juga menjual kuih-muih dan mengambil upah menjahit baju untuk menambah wang pendapatannya. Mereka tinggal di sebuah flat sewa dua bilik yang terletak di Bedok. Rumah mereka sempit dan dipenuhi dengan perabot yang sudah usang.

Dahulu, Rustam bekerja sebagai seorang pengawal keselamatan. Dia terpaksa meninggalkan pekerjaannya itu setelah ditimpa kemalangan. Dia cuba untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan keadaan dirinya tetapi tiada majikan yang ingin menawarkan pekerjaan kepadanya. Dia pernah ditawarkan bekerja di sebuah kilang. Di kilang itu, dia boleh menjalankan kerja sambil duduk sahaja. Malangnya, dia terpaksa menolak tawaran itu kerana kilang itu terletak terlalu jauh dari tempat tinggalnya. Tambahan pula, dia mengalami kesukaran untuk menaik pengangkutan awam kerana kerusi rodanya itu. "Bagaimana aku hendak ke kilang itu dengan kerusi roda ini?" keluh Rustam. Namun demikian, Rustam mencari jalan lain untuk menyara kehidupan keluarganya. Dia menjual tisu kepada orang ramai di hadapan sebuah kedai kopi yang berdekatan dengan rumahnya. Selain itu, dia juga bekerja secara sambilan di sebuah kedai menjual surat khabar dan majalah.

Rustam tidak pernah berputus asa. Dia berusaha untuk mengubati kakinya itu. Baru-baru ini, dia terdengar berita bahawa ada seorang doktor dari Hospital Besar Singapura yang pakar mengubati penyakit lumpuh. Dia ingin mencuba nasibnya. Dia mula menabung sebahagian daripada wang yang diperolehinya melalui penjualan tisu. Dia juga ingin memohon bantuan kewangan daripada badan-badan kebajikan setempat. Dia menyedari ini akan mengambil masa yang lama. Namun, dia yakin matlamatnya itu akan tercapai juga pada suatu hari nanti.

ARAHAN: Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

34. Mengapakah keadaan hidup Rustam kini berbeza? (2 markah)

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Markah yang  
diperoleh

35. Berikan bukti-bukti yang menunjukkan ibu Rustam bekerja keras untuk mereka sekeluarga. (4 markah)

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Markah yang  
diperoleh

36. Bagaimanakah keadaan rumah Rustam? (2 markah)

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Markah yang  
diperoleh

37. Terangkan sebab-sebab Rustam tidak boleh menerima pekerjaan di kilang itu.

(4 markah)

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Markah yang  
diperoleh

38. "Rustam mencari jalan lain untuk menyara kehidupan keluarganya." Jelaskan pernyataan ini. (4 markah)

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Markah yang  
diperoleh

39. Pada akhir petikan, Rustam bertekad untuk mengubati kakinya itu. Bayangkan kamu Rustam. Kamu mahu menulis nota untuk meyakinkan ibu kamu tentang usaha-usaha yang akan kamu lakukan untuk mencapai matlamat kamu itu.

Gunakan informasi dalam petikan karangan dalam halaman 6 untuk melengkapkan nota ringkas di bawah ini.

(4 markah)

Ibu,

Saya \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Daripada,

Rustam

Markah yang  
diperoleh



Pada akhir petikan, Rustam **bertekad untuk mengubati kakinya itu**. Bayangkan kamu Rustam. Kamu mahu **menulis nota untuk meyakinkan ibu kamu tentang usaha-usaha yang akan kamu lakukan untuk mencapai matlamat kamu itu**.

Rustam tidak pernah berputus asa. Dia berusaha untuk mengubati kakinya itu. Baru-baru ini, dia terdengar berita bahawa ada seorang doktor dari Hospital Besar Singapura yang pakar mengubati penyakit lumpuh. Dia ingin mencuba nasibnya. Dia mula menabung sebahagian daripada wang yang diperolehinya melalui penjualan tisu. Dia juga ingin memohon bantuan kewangan daripada badan-badan kebajikan setempat. Dia menyedari ini akan mengambil masa yang lama. Namun, dia yakin matlamatnya itu akan tercapai juga pada suatu hari nanti.

Mengenalpasti sekurang-kurangnya 2 isi



# HASIL KERJA PELAJAR P5

Arahan: Isikan petak-petak kosong (Strategi S.I.A.P). Tandakan ✓ dalam kotak kecil bagi setiap bahagian setelah anda mengisikan jawapan anda. Kemudian, Isikan jawapan anda di ruang kosong yang disediakan (nota/pesanan ringkas) dengan menggunakan informasi di bawah.

## Strategi S.I.A.P

**S** (Serlah kata kunci dalam Soalan)  
Anda sebagai Siapa?  
- Saya

**I** Isi dalam teks / brosur  
- mendirikan kehah  
(kemah)  
- bermalam bersama keluarga di taman haiwan.

**A** Apa yang harus dilakukan?  
(mengajak / memujuk dan lain-lain lagi)  
- mengajak ibudon  
ayah saya

**P**enyemakan:


Laras bahasa	<input checked="" type="checkbox"/>
Isi	<input checked="" type="checkbox"/>
Tatabahasa (nahu, ejaan, tanda baca)	<input checked="" type="checkbox"/>

**P**enutup (dalam bentuk harapan, ucapan selamat dan sebagainya)  
- Saya harap ibu dan ayah beraja  
- Kalau boleh kita akan bergembira!

Jabatan Bahasa Melayu (Sekolah Rendah Greendale)

4  Kamu mahu mengajak ibu dan bapa kamu menyertai Perkhemahan di Taman Haiwan bersama kamu. Untuk meyakinkan ibu dan bapa kamu, kamu harus menerangkan kepada mereka dua faedah yang dapat diraih melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Gunakan informasi dalam brosur perkhemahan untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini. (4 markah)



(Ayah, kita pergi ke situ!)

(Ibu)

Markah yang diperoleh

3/4

Siti, Kakak mahu mengajak kamu ke acara Festival Makanan Tempatan 2021 yang akan berlangsung pada hujung bulan ini. Jika kamu menyertai kuiz itu, kamu boleh mempelajari asal usul beberapa makanan lain.

Siti boleh berpeluang membawa pulang hamper yang berisi baju, buku nota dan pekekat snek kegemaran orang Singapura. Ayah, mari kita ke acara Festival Makanan Tempatan bersama-sama!

